



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JR/55/2022**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF KEMUDAHAN OKU DI KOMPLEKS PERBADANAN
PUTRAJAYA, PRESINT 3, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor / Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja di bawah Untuk Gred G1, Kategori : CE – Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada 7 DISEMBER 2022, jam 10.00 pagi di Bilik Mesyuarat Dahlia (D5). Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ adalah DIWAJIBKAN. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Cap Syarikat.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada 7 DISEMBER 2022 hingga 9 DISEMBER 2022 dengan bayaran secara tunai RM50.00 di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB). Wakil Kontraktor/Syarikat adalah diwajibkan untuk membawa Surat Wakil Kuasa (Asal) yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam 12.00 tengah hari pada 14 DISEMBER 2022 (RABU).
6. Kontraktor / Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT)

NAIB PRESIDEN
Jabatan Perancangan Bandar
Perbadanan Putrajaya